



SIARAN MEDIA

Pejabat Pembangunan Negeri Pahang
Unit Penyelarasan Pelaksanaan
Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM)

ICU JPM SANTUNI 200 KIR eKASIH: AGIHAN DAGING KORBAN DAN JAMUAN KENDURI RAKYAT

KUANTAN, 10 Jun – Sempena sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini, Pejabat Pembangunan Negeri Pahang (PPN Pahang) Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri menganjurkan Program Kenduri Rakyat dan Agihan Daging Korban Tahun 2025 di perkarangan Masjid Al Mukmin, PPRS Pinggiran Putra 3, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

Ini merupakan salah satu program di bawah Inisiatif Kesejahteraan Rakyat MADANI (IKRaM) dengan pendekatan menyantuni seramai 200 Ketua Isi Rumah (KIR) eKasih berstatus Miskin dan Miskin Tegar melalui agihan daging korban sumbangan Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad di bawah kapasiti tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Program ini turut dimeriahkan dengan penganjuran Kenduri Rakyat yang melibatkan aktiviti gotong-royong memasak dan jamuan makan bersama hampir 4,000 orang penduduk setempat sebagai usaha mengeratkan hubungan dalam komuniti.

Program ini disempurnakan oleh YH. Dato' Hamdan bin Hussin, Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Pahang, ICU JPM dengan turut dihadiri wakil rasmi kepada YB Senator Dr. Hajah Fuziah binti Salleh, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri

dan Kos Sara Hidup, wakil Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri, wakil kepada Penyelaras DUN Tanjung Lumpur, wakil Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Bank Islam Malaysia Berhad selaku rakan strategik utama bagi program ini, serta Ketua Jabatan/Agensi peringkat Daerah Kuantan.

Penganjuran program ini mendapat kerjasama daripada Pejabat FAMA Negeri Pahang, Majlis Bandaraya Kuantan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Kempadang dan Jawatankuasa Masjid Al Mukmin, PPRS Pinggiran Putra 3, Kuantan.

Kerjasama erat antara agensi kerajaan, sektor korporat dan komuniti ini melambangkan semangat Malaysia MADANI yang menitikberatkan keprihatinan, kesejahteraan dan tanggungjawab sosial terhadap rakyat.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat dan Media (UKOM)

Pejabat Pembangunan Negeri Pahang

Sebarang pertanyaan, sila hubungi Mohamed Hafifi bin Zulkefli, Pegawai Perhubungan Awam PPN Pahang di talian 012-2294694 atau emel hafifi.zulkefli@phg.icu.gov.my